



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SABAK BERNAM**

**ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR
TAHUN 2023**

**TAJUK INOVASI :
SISTEM PEREKODAN PEWARTAAN TANAH
DI BAWAH SEKSYEN 62
(eWARTA62)**

KUMPULAN : 9REVOLUTION



9REVOLUTION

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

Pengenalan Jabatan

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) secara umumnya merupakan sebuah jabatan yang menerajui pentadbiran Daerah Sabak Bernam sejajar dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Secara umumnya, PDTSB mempunyai tiga (3) bahagian dan salah satu daripadanya ialah Bahagian Pengurusan Tanah yang terdiri daripada lima (5) unit termasuklah Unit Pelupusan Tanah.

Tafsiran pelupusan menurut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), Pelupusan ditakrifkan sebagai apa-apa tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 42 KTN atau mana-mana dari kuasa-kuasa bersamaan yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu. Berikut adalah fungsi Unit Pelupusan Tanah:

- 1) Permohonan Pemberimilikan (Seksyen 76)
- 2) Lesen Pendudukan Sementara (LPS) (Seksyen 65)
- 3) Permit Bahan Batuan
- 4) Pewartaan (Seksyen 62)
- 5) Pajakan (Seksyen 63)

Segala urusan di Unit Pelupusan Tanah perlu dilaksanakan dengan teliti kerana setiap urusan tanah yang dilakukan adalah berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Negeri Selangor, Pekeliling Negeri Selangor dan undang-undang lain yang berkaitan. Urusan ini tidak hanya melibatkan kerja-kerja dalaman antara kakitangan PDTSB sahaja tetapi turut melibatkan pelanggan yang terdiri daripada pelbagai lapisan yang perlu diberi perhatian agar dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan. Selain itu, dengan mengikut garis panduan dan tatacara kerja yang betul, kesilapan dan kelewatan dalam melaksanakan urusan tanah dapat dielakkan daripada berlaku

Visi PDTSB

Sabak Bernam peneraju ekonomi asas tani Negeri Selangor menjelang tahun 2023.

Misi PDTSB

Melestarikan pembangunan dan memperkasakan tadbir urus ke arah kemakmuran daerah demi kesejahteraan rakyat.

Objektif PDTSB

- Mengurus dan mentadbir sistem Pengurusan Tanah berdasarkan Kanun Tanah Negara dan lain-lain undang-undang yang berkaitan secara berkesan.
- Menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan pembangunan masyarakat luar bandar secara berkesan.
- Memastikan penyelarasan yang maksimum dalam tindakan antara Jabatan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun.
- Memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti.
- Meningkatkan pembangunan fizikal dan keharmonian masyarakat.
- Meningkatkan kutipan hasil dan cukai.

BAHAGIAN 2: PENERANGAN HASIL INOVASI

Ringkasan Hasil Inovasi

Sistem Perekodan Pewartaan Tanah di bawah Seksyen 62 (eWarta62) dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada warga Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam khususnya dan agensi luar yang berkaitan secara amnya. Pembangunan sistem ini selaras dengan keperluan pengguna yang menggunakan teknologi terkini dan menyokong dasar kerajaan.

Inisiatif pembangunan eWarta62 ini selaras dengan agenda kerajaan yang berikut:

- **Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) 2019-2023:** Teras Strategik 1 - memperkasa tadbir urus organisasi yang cemerlang melalui sistem pencapaian yang cekap dan efisien di bawah Strategi 5 iaitu pembudayaan inovasi dan penggunaan teknologi maklumat di dalam tugas harian.
- **Rancangan Selangor 1 (RS1):** Tema Strategik 4 - tadbir urus S.M.A.R.T. dan berkesan; dalam bidang tumpuan transformasi teknologi di bawah Strategi 11 iaitu meningkatkan kesedaran, kecekapan dan akses saksama untuk perkhidmatan digital Kerajaan Negeri.
- **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 (PSPSA):** Teras Strategik 1 - pemanfaatan kepintaran data dalam memperkukuh pengurusan dan penyelarasan data di peringkat nasional dan sektor awam. Ia juga dapat melonjakkan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data. Teras Strategik 2 - peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan

berinovasi merentasi sektor awam, swasta, industri dan rakyat. Selain itu, ia juga dapat menggalakkan dan menerapkan penggunaan kemunculan teknologi baharu (*emerging technologies*) bagi menghasilkan aplikasi pintar dan berimpak tinggi. Seterusnya Teras Strategik 3 - tadbir urus tuntas dan tangkas demi memantapkan, menggerakkan dan mengkoordinasikan tadbir urus pendigitalan yang menyeluruh serta memantapkan pengurusan dan kefungisian organisasi digital sektor awam yang tangkas.

Aplikasi ini boleh dicapai oleh pengguna dengan cepat dan tepat tanpa perlu hadir ke pejabat. Seterusnya, fungsi utama sistem eWarta62 ini adalah untuk menyimpan rekod pewartaan tanah di bawah Seksyen 62 KTN secara digital. Ia merupakan inovasi baru bagi menambahbaik daripada kaedah perekodan lama iaitu secara manual (*hardcopy*) yang memerlukan masa yang lama untuk membuat carian sesuatu warta.

Tarikh Inovasi Dihasilkan

Inovasi sistem eWarta62 ini bermula dengan tertubuhnya kumpulan 9Revolution pada **1 Oktober 2021**. Melalui penubuhan kumpulan ini, tindakan seterusnya untuk merealisasikan sistem eWarta62 ini telah dirangka dengan mengadakan mesyuarat atau perbincangan bersama seluruh ahli kumpulan mengenai permasalahan dan penajaan idea-idea bagi menghasilkan sistem ini.

Tujuan Projek Inovasi

Tujuan projek inovasi sistem eWarta62 adalah menyediakan sebuah platform perkhidmatan atas talian khusus untuk membolehkan warga PDTSB mencari data dan membuat semakan maklumat pewartaan dengan kadar segera dalam masa yang singkat dan boleh diakses di mana-mana sahaja. Keberkesanan sistem penyampaian PDTSB dapat dipertingkatkan dengan memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan/ maklumat secara terus di atas talian, memenuhi keperluan pelaksanaan inisiatif ICT selaras dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam yang menggariskan hala tuju penggunaan ICT secara pervasif dalam usaha meningkatkan daya saing negara, dan dapat menyumbang serta memenuhi keperluan pelaksanaan dan operasi Gerbang Perkhidmatan Mobile Kerajaan (Mymobile).

Proses Pelaksanaan Inovasi

Cadangan pembangunan sistem dibincangkan secara kumpulan. Bagaimanapun, pelaksanaan sistem ini adalah secara *out-source* yang telah dipersetujui oleh pihak pengurusan. Ini disebabkan kekurangan kepakaran di dalam bidang ICT. Walaupun begitu, sesi pemilihan vendor dilakukan mengikut tatacara kewangan perbendaharaan.

Proses Sebelum dan Selepas

Proses kerja sebelum dan selepas wujudnya sistem eWarta62 juga telah banyak memudahkan dan mempercepatkan proses semakan status pewartaan. Carta Alir proses sebelum dan selepas wujudnya Sistem eWarta62 seperti di Lampiran.

○ **Sebelum ada Sistem eWarta62**

Proses semakan status pewartaan sebelum wujudnya sistem eWarta62 memakan masa sehingga **14 hari** atau lebih bergantung kepada keberadaan Pegawai Atasan yang terlibat serta melibatkan **9 orang** pegawai/ kakitangan. Ini disebabkan proses sebelum ini memerlukan 'minit arahan' daripada Tuan Pegawai Daerah seterusnya turun kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pengurusan Tanah, Ketua Unit Pelupusan Tanah iaitu Penolong Pegawai Daerah Pelupusan Tanah, seterusnya kepada Ketua Teknikal iaitu Ketua Penolong Pegawai Tanah. Di Unit Pelupusan Tanah pula terdapat tiga (3) lagi jawatan yang terlibat dalam proses ini iaitu Penolong Juruukur sebagai penyemak status pewartaan, Pembantu Tadbir sebagai pembuat surat yang ditandatangani oleh Ketua Unit Pelupusan Tanah iaitu Penolong Pegawai Daerah dan Penghantar Notis sebagai penghantar surat maklum balas kepada pemohon. Kaedah birokrasi yang digunapakai selama ini menyebabkan kelewatan dalam memberi maklum balas status pewartaan kepada agensi yang memohon.

○ **Selepas ada Sistem eWarta62**

Proses semakan status pewartaan selepas wujudnya sistem eWarta62 hanya mengambil masa selama **5 Hari** atau kurang dan hanya melibatkan **4 orang** pegawai/ kakitangan. Penggunaan sistem eWarta62 membolehkan penerimaan permohonan secara e-mel (template surat telah disediakan) terus ke Unit Pelupusan Tanah tanpa melibatkan lain-lain Bahagian. Permohonan akan diterima oleh Pembantu Tadbir dan boleh terus disemak di dalam sistem oleh Penolong Juruukur. Seterusnya, Pembantu Tadbir akan membuat surat maklum balas yang boleh ditandatangani oleh Penolong Pegawai Daerah atau Ketua Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Juruukur (rujuk kepada elemen penurunan kuasa menandatangani surat maklum balas kepada pelanggan). Proses penghantaran surat maklum balas kepada agensi yang memohon adalah melalui e-mel juga.

Elemen Penurunan Kuasa

Pemakluman untuk penurunan kuasa menandatangani surat maklum balas kepada pelanggan telah diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian Pengurusan Tanah PDTSB Bil 1/2022 bertarikh 03 Mac 2022 (Khamis) yang membolehkan ia ditandatangani oleh Penolong Pegawai Daerah (Pelupusan Tanah), Ketua Penolong Pegawai Tanah (Pelupusan Tanah) atau Penolong Juruukur (Penolong Pegawai Degis).

Kumpulan Sasar Dan Skop Liputan

Kumpulan sasar sebelum ini hanya difokuskan kepada jabatan-jabatan yang berkepentingan dalam pewartaan Seksyen 62 KTN sahaja. Jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:

- Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB)
- Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- Jabatan Kerja Raya (JKR)

Walau bagaimanapun setelah perbincangan semula dan telah dipersetujui oleh pihak pengurusan PDTSB, kumpulan sasar untuk penggunaan sistem eWarta62 ini telah diperluaskan kepada pengguna awam sekitar Daerah Sabak Bernam seperti:

- Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Masjid
- AJK Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)
- Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)
- Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
- Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)
- Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)

Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar

○ Elemen Inovatif/ Kreatif

Fungsi utama sistem eWarta62 ini adalah untuk menyimpan rekod Pewartaan Tanah di bawah Seksyen 62 KTN secara digital melalui sistem yang dibangunkan. Justeru itu, sistem ini menyediakan perkhidmatan permohonan carian warta tanah secara atas talian (*online*) yang boleh diakses di mana-mana sahaja.

Sistem eWarta62 ini juga dapat menjimatkan masa maklum balas bagi setiap permohonan carian status pewartaan. Ia merupakan penambahbaikan daripada kaedah perekodan lama iaitu secara manual (*hardcopy*) yang memerlukan masa yang lama untuk membuat carian sesuatu warta. Rekod warta lebih mudah diakses kerana kuasa mengakses maklumat tidak terhad kepada Pegawai Pengawal rekod warta sahaja, tetapi ia juga dibuka kepada pengguna lain di dalam kalangan kakitangan Unit Pelupusan Tanah.

Sistem ini berfungsi untuk memudahkan carian rekod warta di bawah Seksyen 62 KTN meliputi maklumat, data, salinan pewartaan, pelan lokasi dan gambar tapak yang turut mempunyai fungsi untuk memuat turun maklumat pewartaan tersebut.

Data dan maklumat pewartaan dapat dikumpulkan dalam satu sistem yang sama. Ia juga mudah untuk mengenalpasti rekod warta yang masih aktif, rekod yang belum warta dan juga rekod warta yang telah batal.

Selain itu, sistem ini juga memudahkan pengguna untuk melihat serta memuat turun maklumat dengan cepat dan pantas menerusi penggunaan sistem aplikasi berasaskan web serta paparan '*mobile*' kepada pengguna. Fungsi untuk pengguna yang terdiri daripada kakitangan Unit Pelupusan Tanah dan juga dari agensi luar boleh mengakses sistem ini bagi membuat carian dan semakan berpanduan permohonan semakan status tanah secara dalam talian. Analisis dan laporan berkaitan dengan kategori pewartaan juga lebih mudah dijana dengan adanya sistem secara digital serta carta bagi rekod pewartaan juga boleh didapati dengan menggunakan sistem ini.

Keselamatan dokumen lebih mudah terjaga kerana data disimpan di dalam sistem yang turut disokong dengan peranti keselamatan berbanding kaedah lama secara manual malahan kualiti data pun dapat dijaga dengan kaedah *scanning* semua salinan warta ke dalam sistem. Ia turut meningkatkan efisiensi serta memudahkan urusan seharian di pejabat dimana maklumat dapat diperolehi dengan lebih cepat dan tepat dengan hanya membuat carian secara terus di dalam sistem.

○ Elemen Keberkesanan

Pengurangan Kos

Pengurangan kos operasi dan kos logistik pelanggan melalui kewujudan pangkalan data eWarta62 ini dengan melihat kepada kos pengangkutan yang perlu ditanggung oleh agensi untuk hadir ke PDTSB bagi tujuan semakan maklumat pewartaan dapat diatasi. Selain itu, kos percetakan seperti kertas dan dakwat dapat dikurangkan kerana urusan hanya dilakukan menggunakan sistem.

Kos Operasi (Anggaran 1 Bulan)	Kos Logistik Pelanggan
<u>Sebelum</u> Kos kertas 1 rim: RM15.00 Kos cetakan: RM600.00	<u>Sebelum</u> Kos pengangkutan (minyak & tol): RM20.00 - RM150.00
<u>Selepas</u> Tiada kos operasi kerana semua maklum balas melalui e-mel	<u>Selepas</u> Tiada kos pengangkutan kerana semua maklum balas melalui e-mel

Penjimatan Masa

Kewujudan sistem eWarta62 ini dapat menjimatkan masa melalui carian pantas yang ada dalam sistem ini dimana pengguna yang terdiri daripada kakitangan Unit Pelupusan Tanah dapat membuat semakan maklumat tanah yang telah mendapat kelulusan dan siaran pewartaan dengan mudah. Bagi pemohon pula iaitu orang awam, jabatan dan agensi Kerajaan juga tidak perlu mengambil masa yang terlalu lama untuk mendapatkan maklum balas atau maklumat yang terkini berkenaan pewartaan kerana capaian maklumat semakin mudah dan pantas serta boleh dibuat secara terus melalui fungsi semakan pewartaan yang ada di dalam sistem.

PDTSB	Pengguna
<u>Sebelum</u> Tempoh masa untuk memberikan maklum balas lebih daripada 14 hari	<u>Sebelum</u> Tempoh masa menunggu maklum balas lebih daripada 14 hari
<u>Selepas</u> Tempoh masa untuk memberikan maklum balas kurang daripada 5 hari	<u>Selepas</u> Tempoh masa menunggu maklum balas kurang daripada 5 hari

Peningkatan Tahap Produktiviti

Capaian maklumat yang semakin pantas dapat membantu pengguna untuk memperolehi maklumat pewartaan dengan mudah tanpa mengambil masa yang lama seperti amalan ketika urusan secara manual. Selain itu, tempoh masa yang diambil untuk menyediakan maklum balas turut dapat disediakan dalam tempoh yang singkat dan ini dapat meningkatkan prestasi kerja di kalangan kakitangan Unit Pelupusan Tanah khususnya kebolehsampaian perkhidmatan dan maklumat dengana cara yang berkesan. Sistem ini juga turut mempunyai *template* surat tersedia yang turut dapat membantu pemohon untuk membuat permohonan pewartaan dengan lebih mudah.

PDTSB	Pengguna
<u>Sebelum</u> Proses maklum balas melibatkan 9 orang kakitangan	<u>Sebelum</u> Tidak berkaitan
<u>Selepas</u> Penglibatan kakitangan berkurangan kepada 2 orang sahaja	<u>Selepas</u> Tidak berkaitan

Peningkatan Tahap Kepuasan Hati Pelanggan

Tanpa menunggu masa yang terlalu lama bagi mendapatkan maklumat pewartaan dan maklum balas daripada pejabat, urusan yang memudahkan pemohon ini telah mencapai kepuasan dan kepercayaan pelanggan ke tahap yang lebih baik iaitu 84 peratus memilih skala 4 dengan jumlah responden seramai 14 orang. Selain itu, pemohon juga dapat mengurangkan kos dan menjimatkan masa untuk memohon semakan warta kerana sistem ini dapat digunakan dimana-mana sahaja. Sistem ini juga merupakan sebuah sistem yang mesra pengguna (*user friendly*) kerana sistem ini menggunakan paparan yang jelas dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan pemohon.

Wow Faktor

- **Akses melalui mobile** - Sistem ini dibangunkan menerusi web yang dapat digunakan oleh pemohon dan pengguna pada bila-bila masa dan dimana sahaja tidak hanya menerusi komputer tetapi menerusi *mobile* yang disokong oleh kedua-dua sistem ios mahupun android.
- **Sistem terbuka** - Pemohon yang terdiri daripada orang awam dan agensi kerajaan kini dapat membuat carian maklumat pewartaan secara terus tanpa perlu hadir ke pejabat bagi mendapatkan maklumat dengan hanya memasukkan butiran pemohon di dalam sistem ini butiran pewartaan seperti nombor lot, nombor warta dan status warta dapat diperolehi dengan mudah.
- **Perintis pendigitalan** - Dengan adanya inovasi penyediaan pengkalan data seperti eWarta62 ini akan menjadi perintis kepada skop kerja yang lain untuk mendigitalkan maklumat-maklumat pengurusan tanah sebagai rekod pendua selain amalan kebiasaan melalui rekod secara manual. Sistem ini juga dilihat berpotensi untuk diketengahkan kepada daerah dan negeri lain.

○ Elemen Signifikan

PDTSB merupakan satu jabatan yang paling signifikan dalam menguruskan pentadbiran dan pembangunan tanah di Daerah Sabak Bernam. Adalah penting PDTSB diperkasakan bagi menggalas amanah dan tanggungjawab yang telah diletakkan bagi mewujudkan tadbir urus yang baik dalam urusan pentadbiran tanah Negeri Selangor secara keseluruhannya sejajar dengan perkembangan semasa.

Bagi mencapai matlamat tersebut, satu sistem eWarta62 seperti ini dirangka bagi membantu sistem perekodan pewartaan tanah di bawah Seksyen 62. Sistem eWarta62 dibangunkan untuk memberi dan menyediakan kemudahan sistem yang lebih dinamik, responsif, pantas dan mesra pengguna kepada warga PDTSB khususnya dan agensi luar dan berkaitan secara amnya.

Dengan adanya sistem ini, perkhidmatan ini dapat digunakan dengan lebih menyeluruh. Pengguna boleh mengakses perkhidmatan ini hanya dengan menggunakan internet melalui paparan *desktop* atau telefon pintar walau dari rumah sahaja tanpa perlu memuat turun sebarang aplikasi.

Selain itu, pembangunan sistem ini adalah selari dengan pelan strategik PDTSB merujuk kepada Teras Strategik 1 iaitu Teras ke 5 yang menyebut kepada Pembudayaan Inovasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat di dalam tugas harian. Pembangunan eWarta62 ini merupakan satu inisiatif PDTSB bagi menyokong dasar kerajaan yang menggalakkan pembangunan sistem pendigitalan dan menggunakan teknologi terkini.

Melalui kaedah ini, pengguna tidak perlu lagi hadir ke kaunter dan perkhidmatan boleh diperolehi secara dalam talian sepenuhnya dari mula sehingga akhir proses, boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana saja. Perubahan minda daripada amalan konvensional yang masih memerlukan rakyat berkunjung ke kaunter agensi kerajaan wajar diubah kepada kebiasaan baharu dengan memperkasakan penggunaan sistem secara dalam talian. Ini secara tidak langsung akan memudahkan urusan rakyat. Mereka bukan saja tidak perlu lagi berpusu-pusu ke agensi kerajaan dan beratur panjang serta mengambil masa lama untuk mendapatkan perkhidmatan, malah dapat mengelakkan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas seterusnya penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan cara yang lebih efisien, cekap dan pantas.

○ **Elemen Relevan**

Menyokong ke arah pembangunan Program Transformasi Kerajaan melalui Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 (PSPSA) Teras Strategik 1, 2 dan 3; Rancangan Selangor 1 (RS1) Tema Strategik 4, Strategi 11; serta Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) 2019-2023 melalui Teras Strategik 1, Strategi 5.

Pengiktirafan Diterima

- Tempat Pertama dalam “Pertandingan Inovasi EKSA PDTSB” tahun 2021.
- Penyertaan dalam “Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS)” tahun 2022.
- Penglibatan dalam “Program Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Negeri Selangor” di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) tahun 2022.
- Penglibatan dalam “Audit Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor” tahun 2022.

- Penglibatan dalam “Audit Penilaian Penarafan Bintang (SSR) Pentadbiran Tanah” tahun 2022.
- Penganugerahan “Anugerah Inovasi Pegawai Daerah” tahun 2022.

Gambar-Gambar Berkaitan

Gambar 1-4 berkaitan Pertandingan Inovasi EKSA PDTSB pada 29 Oktober 2021.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3



Gambar 4

Gambar 5-6 berkaitan sekitar penyertaan dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) pada 20 Jun 2022.



Gambar 5



Gambar 6

Gambar 7-11 berkaitan sekitar penglibatan dalam Program Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Negeri Selangor di KLCC pada 6-9 Oktober 2022.



Gambar 7



Gambar 8



Gambar 9



Gambar 10



Gambar 11

Gambar 12-15 berkaitan sekitar Audit Penilaian Penarafan Bintang (SSR) Pentadbiran Tanah pada 5-7 Julai 2022.



Gambar 12



Gambar 13



Gambar 14



Gambar 15

Gambar 16-23 berkaitan aktiviti kumpulan 9Revolution sepanjang tahun 2022 dan 2023.



Gambar 16



Gambar 17



Gambar 18



Gambar 19



Gambar 20



Gambar 21



Gambar 22



Gambar 23

Implikasi Kewangan

Jumlah kos keseluruhan bagi membangunkan sistem eWarta62 adalah sebanyak RM11,500.00. Syarikat yang telah dilantik oleh Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam untuk membangunkan sistem ini adalah Olin Tech (M) Sdn Bhd yang berpusat di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor. Kos pembangunan sistem ini termasuk lima (5) kriteria utama seperti pembangunan sistem, penyediaan & migrasi data, pengujian & pelaksanaan, dokumentasi & latihan, serta khidmat sokongan & warranti. Dengan menggunakan kos pembangunan yang minimum, sistem ini adalah diantara yang termurah, namun masih dapat memberi impak positif kepada jabatan khususnya dan negeri amnya.

BAHAGIAN 3: PENUTUP

Sistem eWarta62 merupakan satu lagi projek perintis dalam Bahagian Pengurusan Tanah yang dilaksanakan oleh PDTSB. Ia juga merupakan antara inisiatif strategik yang melibatkan agensi luar dengan tujuan untuk memberi peluang kepada para pegawai, kakitangan dan pengguna bersama-sama meneroka serta mempelajari teknologi baru di samping dapat merealisasikan dasar dan menyahut seruan kerajaan.

Sistem eWarta62 ini adalah satu inovasi dimensi baharu dalam penyampaian maklumat pengurusan tanah yang melibatkan agensi awam, badan bukan kerajaan dan orang awam bagi menyalurkan dan meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada. Memperkasakan masyarakat melalui teknologi dan digital adalah perjalanan berterusan pihak kerajaan ke arah mewujudkan masyarakat lebih inklusif dan saksama. Fokus diberikan kepada pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan memanfaatkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menjurus kepada perkhidmatan dalam talian.

Pada masa akan datang, eWarta62 akan terus dibangunkan dengan penambahan pelbagai elemen lain dan ciri penggunaan yang lebih kreatif serta inovatif sehingga mampu bekerjasama dan berkolaborasi bersama Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Google Earth.

Disediakan oleh:

Nama Kumpulan : 9Revolution

Nama Ahli : Farrah Izzati binti Fuat
Norhidayah binti Abdul Rashid
Rabiatul Adawiyah binti Mohd Salleh
Rozana binti Haniran
Nurul Aida binti Muhazli
Azrimah binti Jamin
Mohd Nasrul Hadi bin Arbain
Din Imran bin Harun
Mohd Khiri bin Abd Halim

Telefon : 03-32241963/ 1964/ 1967

E-mel : kik9revolution@gmail.com